



Ancaman jenayah scam

Sebanyak 10,699 kes jenayah siber dicatatkan tahun lalu dan jumlah itu meningkat 25.6 peratus berbanding tahun sebelumnya sebanyak 7,962 kes

JENAYAH SCAM

- Scam adalah jenayah penipuan menggunakan media sama ada melalui telefon, e-mel atau media sosial.
- Scammer ialah seseorang atau kelompok yang melakukan satu penipuan untuk mendapatkan wang individu lain dengan cara yang sangat licik dan kotor. Mereka menipu melalui alam maya.

STATISTIK KES PENIPUAN SIBER TERMASUK SCAM

2006	- 287 kes
2007	- 364 kes
2008	- 907 kes
2009	- 2,022 kes
2010	- 2,212 kes
2011	- 5,038 kes
2012	- 4,001 kes
2013	- 4,485 kes
2014	- 4,477 kes
2015	- 3,257 kes
2016	- 3,921 kes
2017	- 3,821 kes
2018	- 5,123 kes

NURULATIQ AHMAD BANDI

Hari ini semakin kerap kita membaca dan melihat di media cetak mahupun elektronik, polis membuat pelbagai pendedahan berkaitan jenayah siber khususnya jenayah penipuan atau scam.

Setiap pendedahan polis, turut disertakan dengan kisah bagaimana mangsa 'dijerat' sehingga terpedaya dan akhirnya mengalami kerugian ratusan ribu ringgit.

Berdasarkan statistik laman web Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCert), sebanyak 10,699 kes jenayah siber dicatatkan tahun lalu dan jumlah itu meningkat sebanyak 25.6 peratus berbanding tahun sebelumnya sebanyak 7,962 kes.

Statistik yang dikeluarkan MyCert memaparkan sembilan kategori jenayah siber, antaranya gangguan siber, penafian perkhidmatan dan pencerobohan. Sementara itu, jenayah siber kategori penipuan termasuklah scam yang saban tahun mencatat jumlah paling tinggi.

Bagi empat bulan pertama tahun ini, sebanyak 1,993 kes penipuan siber dicatatkan berlaku dan jumlah ini meningkat kira-kira 34.7 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu yang mencatatkan 1,302 kes.

seperti dilaporkan MyCert.

Menurutnya, scam terbahagi kepada dua kategori iaitu berbentuk digital dan kejuruteraan sosial.

"Scam bentuk digital melibatkan penipuan melalui e-mel, WhatsApp, Facebook, Instagram dan Twitter, sementara kejuruteraan sosial pula adalah penipuan melalui panggilan telefon yang menyamar menjadi pegawai penguat kuasa polis, kastam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), mahkamah dan bank untuk mendapatkan data peribadi mangsa.

"Saya sendiri pernah melalui pengalaman dihubungi individu yang mengaku sebagai wakil daripada bank dan menyatakan saya telah memenangi hadiah istimewa. Ada juga yang hubungi saya mengatakan pinjaman saya telah tertunggak walhal saya tidak pernah membuat pinjaman daripada bank berkenaan.

"Saya akui pada awalnya panik tapi disebabkan ragu-ragu dengan butiran yang dikatakan, saya sedar itu adalah penipuan," katanya.

Norita berkata, ini menunjukkan penipuan scam boleh berlaku kepada sesiapa sahaja daripada golongan profesional sehingga kelompok pesara kerajaan, nelayan, petani, kakitangan



DR NORITA

kerajaan dan swasta termasuk warga emas dan pelajar.

Manipulasi

Menurut Norita, peningkatan kes penipuan siber di negara ini disebabkan banyak faktor antaranya scammer atau penipu itu sendiri mahir memanipulasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Scammer menguasai dengan baik perkembangan teknologi dan menggunakan kemahiran *soft skills* untuk memanipulasi individu yang berpotensi menjadi mangsa penipuan," katanya.

Menurutnya, faktor orang ramai kurang pendedahan mengenai kegiatan scammer juga menyumbang kepada jenayah itu terus berleluasa dan scammer mengambil kesempatan atas keadaan tersebut.

Media sosial sasaran scammer

NORITA berkata, ada beberapa kaedah scammer memperoleh nombor telefon mangsa dengan mudah.

"Salah satunya melalui penjualan data. Kegiatan ini jelas melanggar Akta Perlindungan Data. Penjualan data dipercayai dilakukan pihak kedua atau ketiga yang berjaya memperoleh data peribadi pelanggan.

"Modus operandi paling popular dan mudah ialah scammer boleh mendapatkan

nombor telefon melalui maklumat dipaparkan di media sosial mangsa terutama peniaga atas talian," katanya.

Justeru, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak sewenang-wenangnya mendedahkan nombor telefon jika tiada keperluan atau menggunakan talian internet peribadi jika melakukan transaksi di atas talian seperti perbankan internet, tempahan hotel dan kapal terbang.

PAKAR sains komputer, Prof Dr Norita Md Norwawi berkata, peningkatan statistik jumlah jenayah siber sangat membimbangkan yang melibatkan kerugian puluhan ribu ringgit daripada mangsa.

"Lebih parah, mangsa berisiko terlibat dalam masalah sosial dan jenayah lain seperti keruntuhan rumah tangga, pinjaman ah long, jenayah kekerasan sehinggalah kepada pembunuhan," katanya

kepada *Sinar Harian*.

Norita yang juga pensyarah Program Sains Komputer (Keselamatan dan Jaminan Maklumat), Fakulti Sains dan Teknologi di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata, jenayah siber bagi kategori penipuan yang terkandung di dalamnya jenayah scam mencatatkan peningkatan statistik membimbangkan iaitu hampir sekali ganda setiap tahun

KES TERKINI JENAYAH SCAM

APRIL 2019 - AFRICAN atau LOVE SCAM

SHAH ALAM - Seorang wanita berusia 62 tahun yang baru enam bulan berkenalan dengan lelaki warga Afrika melalui Facebook kerugian RM1.6 juta akibat ditipu suspek yang merupakan dalang utama Love Scam.

FEBRUARI 2019 - PARCEL SCAM

KEPALA BATAS - Seorang lelaki warga emas kerugian RM14,100 selepas diperdaya sindiket Parcel Scam dipercayai mempunyai kaitan dengan

perkenalannya dengan seorang wanita melalui Facebook yang memperkenalkan diri sebagai 'Silver Vuyana'.

MEI 2019 - MACAU SCAM

TANAH MERAH - Seorang kerani wanita kerugian RM534,000 apabila ditipu sindiket Macau Scam.

Mangsa berusia 40 tahun dikatakan dihubungi seorang wanita yang menyatakan mangsa ada tunggakan bayaran cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berjumlah RM24,000.

MAC 2019 - TAC SCAM

KUANTAN - Seorang kerani kerugian RM8,888 selepas menyerahkan nombor nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) setelah diperdaya sindiket scam yang menghubunginya menggunakan aplikasi WhatsApp. Mangsa berusia 36 tahun menerima mesej WhatsApp daripada seorang lelaki yang mendakwa isterinya tersilap menghantar nombor TAC berkenaan ke telefon bimbit milik mangsa dan meminta mangsa menghantar semula

nombor TAC berkenaan kepadanya untuk proses memindahkan wang.

MEI 2019 - IDENTITY SCAM

KUALA LUMPUR - Seorang bekas wartawan membuat laporan polis selepas mendakwa nama dan gambarnya digunakan pihak tidak dikenali untuk memperdaya rakannya bagi mendapatkan wang. Mangsa berusia 43 tahun berkata, dia menyedari perkara itu selepas dihubungi seorang rakan yang menyedari ia merupakan penipuan.